



MiROS

MALAYSIAN INSTITUTE OF ROAD SAFETY RESEARCH

ASEAN ROAD SAFETY CENTRE

GARIS PANDUAN

KERUSI KESELAMATAN KANAK-KANAK DI MALAYSIA

GARIS PANDUAN

KERUSI KESELAMATAN KANAK-KANAK DI MALAYSIA

MIROS © 2019. Hakcipta Terpelihara.

Diterbitkan oleh:

Malaysian Institute of Road Safety Research

Lot 125-135, Jalan TKS 1,

Taman Kajang Sentral, 43000, Kajang


Selangor, MALAYSIA



MIROS

MALAYSIAN INSTITUTE OF ROAD SAFETY RESEARCH

■ ASEAN ROAD SAFETY CENTRE ■



**KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
MALAYSIA**

■ SENARAI SINGKATAN	04
■ SENARAI GAMBARAJAH	05
■ 1.0 LATAR BELAKANG	06
1.1 DIREKTIF MALAYSIA	07
1.2 PENGENALAN	07
■ 2.0 PEMATUHAN STANDARD PERATURAN KESELAMATAN PRODUK KERUSI KESELAMATAN KANAK-KANAK	08
2.1 TUJUAN	08
2.2 KAEDAH KAWALAN PEMATUHAN STANDARD PERATURAN KESELAMATAN PRODUK KERUSI KESELAMATAN KANAK-KANAK	08
2.3 CARTA ALIR KAEDAH PENGAWALAN PRODUK KERUSI KESELAMATAN KANAK-KANAK	09
2.4 PENGENALAN PROSEDUR CARTA ALIR PENERANGAN AKTIVITI	10
2.5 PENERANGAN AKTIVITI PIHAK BERTANGGUNGJAWAB	10
2.6 SPESIFIKASI LABEL QR UNTUK PRODUK KERUSI KESELAMATAN KANAK-KANAK	11
■ 3.0 GARIS PANDUAN KAEDAH PENGGUNAAN KERUSI KESELAMATAN KANAK-KANAK	12
3.1 TUJUAN	12
3.2 PENGENALAN	12
3.3 GARIS PANDUAN PEMAKAIAN KERUSI KESELAMATAN KANAK-KANAK MENGIKUT KATEGORI KANAK-KANAK	13
3.4 GARIS PANDUAN PENGGUNAAN MENGIKUT JENIS KERUSI KESELAMATAN KANAK-KANAK	14
3.5 GARIS PANDUAN PEMASANGAN KERUSI KESELAMATAN KANAK-KANAK MENGIKUT BARISAN TEMPAT DUDUK KENDERAAN	15
3.6 GARIS PANDUAN PEMASANGAN KERUSI KESELAMATAN KANAK-KANAK MENGIKUT BILANGAN PENUMPANG	17
3.7 GARIS PANDUAN PEMASANGAN KERUSI KESELAMATAN KANAK-KANAK ISOFIX ATAU TALI PINGGANG KELEDAR	20
■ 4.0 GARIS PANDUAN PENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG KERUSI KESELAMATAN KANAK-KANAK	22
4.1 TUJUAN	22
4.2 PENGUATKUASAAN STANDARD MANDATORI TERHADAP PENGIMPORAN KERUSI KESELAMATAN KANAK-KANAK	22
4.3 PENGUATKUASAAN PEMASARAN KERUSI KESELAMATAN KANAK-KANAK DI PREMIS	23
4.4 PENGUATKUASAAN PEMASARAN SECARA ATAS TALIAN	23
4.5 PENGUATKUASAAN PENGGUNAAN KERUSI KESELAMATAN KANAK-KANAK DI DALAM KENDERAAN	23
■ BORANG PERMOHONAN MENGEDAR PRODUK KERUSI KESELAMATAN KANAK-KANAK	24
■ CATATAN	26

SENARAI SINGKATAN



AA	Approval Authority
CRS	Kerusi Keselamatan Kanak-kanak
CTA	Component Type Approval (Kelulusan Jenis Komponen)
ISO	Pertubuhan Standard Antarabangsa
ISOFIX	Pemasangan dan penambat universal
JKJR	Jabatan Keselamatan Jalan Raya
JKDM	Jabatan Kastam Diraja Malaysia
JPJ	Jabatan Pengangkutan Jalan
KPDNHEP	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna
MIROS	Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia
MOT	Kementerian Pengangkutan Malaysia
MPV	Kenderaan pelbagai guna
SUV	Kenderaan utiliti sukan
UNECE	Suruhanjaya Ekonomi Negara Bersatu Eropah
WHO	Pertubuhan Kesihatan Sedunia





GAMBARAJAH

Rajah 1.1 Kronologi pewartaan Peraturan UN berkaitan Kerusi Keselamatan Kanak-kanak di Malaysia

Rajah 2.1 Tanda pematuhan Peraturan UN R44 (kiri) dan R129 (kanan)

Rajah 2.2 Contoh label QR

Rajah 2.3 Spesifikasi pelekat label QR

Rajah 3.1 Simbol ISOFIX

Rajah 3.2 Simbol *Top-Tether*

Rajah 3.3 Kerusi Keselamatan Kanak-kanak yang dilengkapi dengan penambat ISOFIX

Rajah 3.4 Contoh penambat *top-tether* pada belakang penyandar kerusi kenderaan

Rajah 3.5 Indikator tanda sempurna untuk *top-tether*

Rajah 3.6 Kaki penahan (*support leg*)

JADUAL

Jadual 2.1 Carta alir kawalan pembekalan produk Kerusi Keselamatan Kanak-kanak


Jadual 3.1 Kumpulan Kerusi Keselamatan Kanak-kanak mengikut saiz kanak-kanak dan jenis tempat duduk kanak-kanak

1.0 Latar Belakang

Kerusi Keselamatan Kanak-kanak merupakan alat yang penting bagi memastikan keselamatan kanak-kanak di dalam kenderaan. Ia membantu melindungi kanak-kanak semasa berlakunya kemalangan jalanraya dengan cara mengurangkan risiko kecederaan yang dialami oleh kanak-kanak tersebut.



Bagi persediaan mewajibkan penggunaan Kerusi Keselamatan Kanak-kanak pada tahun 2020, pihak Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) telah mewartakan beberapa peraturan komponen kenderaan berdasarkan rangka kerja *World Forum for Harmonisation of Vehicle Regulations* (WP29) yang melibatkan peraturan pembinaan dan penggunaan Kerusi Keselamatan Kanak-kanak di dalam kenderaan motor. Rajah 1.1 menunjukkan kronologi pewartaan Peraturan UN yang melibatkan Kerusi Keselamatan Kanak-kanak, iaitu:-



Rajah 1.1 : Kronologi pewartaan Peraturan UN berkaitan Kerusi Keselamatan Kanak-kanak di Malaysia

1.1 DIREKTIF MALAYSIA

Kerajaan Malaysia melalui MOT telah menganggotai *World Forum for Harmonization of Vehicle Regulations* (WP29) sejak 4 April 2006. Melalui penganggotaan tersebut, kerajaan Malaysia telah menandatangani dua perjanjian multi-lateral iaitu Perjanjian 1958 (*United Nations Regulation - UNR*) dan Perjanjian 1998 (*United Nations Global Technical Regulations - UN GTR*).

Dalam aspek pelaksanaan rangka kerja WP29 di peringkat kebangsaan pula, pihak JPJ telah dilantik oleh MOT dan diiktiraf oleh Forum WP29 sebagai *Approval Authority (AA)* yang mewakili Malaysia dalam menerajui pelaksanaan rangka kerja WP29 di Malaysia.

Sebagai Negara Penjanji di bawah Perjanjian 1958, kerajaan Malaysia akan menerima persijilan Peraturan UN di kalangan Negara Penjanji yang lain secara konsep *mutual recognition of type approval* serta boleh mengadaptasi mana - mana Peraturan UN ke dalam Kaedah Pengangkutan Jalan tertakluk kepada kesesuaiannya.


Sehubungan dengan itu, sehingga kini pihak JPJ telah mewartakan sebanyak 100 Peraturan UN ke dalam Kaedah-Kaedah Pengangkutan Jalan untuk dilaksanakan melalui prosedur Kelulusan Jenis Kenderaan (*Vehicle Type Approval - VTA*).

1.2 PENGENALAN

Garis Panduan Pematuhan Kerusi Keselamatan Kanak-kanak ini diterbitkan bagi memberi penjelasan dan penyeragaman secara menyeluruh kepada agensi - agensi Kerajaan dan Jabatan, pengedar Kerusi Keselamatan Kanak-kanak dan orang awam yang menggunakan Kerusi Keselamatan Kanak-kanak. Garis panduan ini secara khususnya meliputi aspek-aspek seperti berikut:

- a. Pematuhan Standard Keselamatan Produk Kerusi Keselamatan Kanak-kanak;
- b. Tatacara penggunaan Kerusi Keselamatan Kanak-kanak di dalam kenderaan; dan
- c. Tatacara penguatkuasaan Kerusi Keselamatan Kanak-kanak di atas jalan raya, di premis perniagaan dan jualan atas talian.

Garis panduan ini bertujuan untuk memenuhi beberapa objektif, iaitu:



- i. Untuk menyediakan penerangan yang sistematik bagi setiap aktiviti yang berkaitan dengan pelaksanaan undang-undang Kerusi Keselamatan Kanak-kanak untuk dilaksanakan oleh setiap agensi terlibat secara langsung atau tidak langsung;



- ii. Untuk memastikan koordinasi yang selaras dan sistematik di kalangan agensi yang terlibat; dan



- iii. Untuk memberi penerangan yang lengkap berkenaan prosedur pelaksanaan undang-undang Kerusi Keselamatan Kanak-kanak.

2.0 PEMATUHAN STANDARD KESELAMATAN PRODUK KERUSI KESELAMATAN KANAK-KANAK

2.1 TUJUAN

Dokumen ini mengandungi penerangan berkenaan kaedah kawalan pemasaran Kerusi Keselamatan Kanak-kanak untuk dipasarkan di Malaysia, pematuhan standard mandatori dan mekanisma penguatkuasaannya.

2.2 KAEDAH KAWALAN PEMATUHAN STANDARD KESELAMATAN PRODUK KERUSI KESELAMATAN KANAK-KANAK

- 2.2.1 Kawalan menggunakan kaedah pensijilan Peraturan UN R44 dan R129 daripada Badan Kompeten yang diiktiraf melalui cara berikut, iaitu;
- Mempunyai sijil kelulusan Peraturan UN yang dikeluarkan oleh mana - mana *Approval Authority (AA)* diiktiraf oleh WP29; atau
 - Mempunyai sijil kelulusan Peraturan UN daripada JPJ melalui prosedur *UN Type Approval - E52*.
- 2.2.2 Setiap produk Kerusi Keselamatan Kanak-kanak yang telah mempunyai pensijilan Peraturan UNR akan mempunyai pelekat *E-mark* seperti yang di terangkan pada Rajah 2.1




Rajah 2.1: Tanda pematuhan Peraturan UN R44 (kiri) dan R129 (kanan)

- 2.2.3 Kaedah label QR digunakan bagi merekodkan maklumat Kerusi Keselamatan Kanak-kanak yang lebih terperinci sebagai panduan penggunaan, pemasaran dan penguatkuasaan. Label QR seperti Rajah 2.2 mengandungi maklumat seperti berikut:



Rajah 2.2 Contoh Label QR

2.3 CARTA ALIR KAEDAH PENGAWALAN PEMBEKALAN PRODUK KERUSI KESELAMATAN KANAK-KANAK



Jadual 2.1 Carta alir kawalan pembekalan produk Kerusi Keselamatan Kanak-Kanak

2.4 PENGENALAN PROSEDUR CARTA ALIR PENERANGAN AKTIVITI

Carta alir yang ditunjukkan di dalam Jadual 2.1 adalah menerangkan tatacara mengimport dan penjualan Kerusi Keselamatan Kanak-kanak serta tanggungjawab badan-badan kerajaan yang terlibat di dalam setiap aktiviti. Terdapat beberapa Kementerian yang terlibat di dalam aktiviti tersebut. Pihak Kementerian Pengangkutan Malaysia mengawal sistem bagi aktiviti 2.5.2 dan 2.5.4.

Bagi aktiviti 2.5.5, pihak pengedar Kerusi Keselamatan Kanak-kanak perlu mengikut prosedur kawalan Jabatan Kastam Diraja Malaysia, di bawah Kementerian Kewangan Malaysia serta mematuhi segala yang terkandung di dalam Perintah Kastam (Larangan Mengenai Import). Bagi penguatkuasaan di premis jualan, kawalan akan dilaksanakan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Malaysia (KPDNHEP).

2.5 PENERANGAN AKTIVITI PIHAK BERTANGGUNGJAWAB



2.5.1



Pengedar / Pengimport mengemukakan dokumen bagi tujuan permohonan Kelulusan Jenis Komponen (CTA) kepada JPJ. Dokumen yang diperlukan adalah surat permohonan, sijil dan laporan ujian Peraturan UN yang berkenaan diiktiraf oleh WP29 termasuk sampel bagi setiap model produk Kerusi Keselamatan Kanak-kanak tersebut. Tatacara memperoleh pensijilan UN R44/R129, rujuk buku Garis Panduan: MCP 01/2012: *National Regulatory Implementation Guideline, UNECE WP.29 in Malaysia, MIROS, 2012*

2.5.2

JPJ akan menyemak dan meneliti setiap dokumen pematuhan serta sampel produk yang telah dikemukakan oleh pengedar / pengimport bertujuan untuk memastikan dokumen pematuhan adalah dikeluarkan oleh pihak yang diiktiraf oleh WP29 serta selari dengan sampel produk. Pihak JPJ akan mengeluarkan Surat Kelulusan CTA terhadap setiap permohonan yang telah memenuhi ketetapan CTA.

2.5.3

Pengedar / Pengimport mengemukakan Surat Kelulusan CTA dan borang permohonan Label QR yang lengkap kepada MIROS. Rujuk lampiran A untuk borang permohonan Label QR. Sebarang perubahan atau penambahan komponen pada Kerusi Keselamatan Kanak-kanak yang telah diluluskan perlu dimaklumkan kepada pihak MIROS.



2.5.4

MIROS mengeluarkan label QR dan mengesahkan kaedah pemasangan bagi setiap produk Kerusi Keselamatan Kanak-kanak yang dikemukakan. MIROS merekodkan maklumat spesifikasi teknikal Kerusi Keselamatan Kanak-Kanak di dalam pengkalan data yang dibangunkan.

2.5.5

Kerusi Keselamatan Kanak-Kanak yang mempunyai Surat Kelulusan CTA dan mempunyai label QR boleh digunakan bagi tujuan import, pengedaran dan penjualan di pasaran Malaysia. Pengedar / Pengimport perlu melekatkan Label QR beserta Label UNR yang sah untuk setiap produk Kerusi Keselamatan Kanak-kanak. Pengedar / Pengimport mengemukakan surat CTA dan label QR kepada KASTAM (JKDM) dan KPDNHEP sekiranya perlu.

2.6 SPESIFIKASI LABEL QR UNTUK PRODUK KERUSI KESELAMATAN KANAK-KANAK

- 2.6.1 Setiap produk Kerusi Keselamatan Kanak-kanak yang diluluskan perlu dilekatkan dengan pelekat Label QR yang sah.
- 2.6.2 Label QR tersebut boleh dicetak semula untuk produk yang sama.
- 2.6.3 Label QR mengandungi logo MIROS di bahagian atas.
- 2.6.4 Bagi tujuan cetakan, spesifikasi seperti Rajah 2.3 perlu dipatuhi seperti berikut:
 - a. Saiz Label QR: 40mm x 50mm.
 - b. Latar belakang: putih dengan kod warna FFFF (mengikut format CMYK).
- 2.6.5 Maklumat terperinci yang terkandung pada label QR boleh dirujuk di lampiran A.



Rajah 2.3 Spesifikasi pelekat label QR

3.0 GARIS PANDUAN KAEDAH PENGGUNAAN KERUSI KESELAMATAN KANAK-KANAK

3.1 TUJUAN

Dokumen ini mengandungi penerangan berkenaan tatacara kaedah penggunaan Kerusi Keselamatan Kanak-kanak di dalam kenderaan di Malaysia mengikut kriteria-kriteria berikut:

- a. Garis Panduan Penggunaan Kerusi Keselamatan Kanak-kanak Mengikut Kategori Kanak-kanak
- b. Garis Panduan Pemakaian Kerusi Keselamatan Kanak-kanak Mengikut Jenis Kerusi Keselamatan Kanak-kanak
- c. Garis Panduan Pemakaian Kerusi Keselamatan Kanak-kanak Mengikut Barisan Tempat Duduk Kenderaan
- d. Garis Panduan Pemakaian Kerusi Keselamatan Kanak-kanak Mengikut Bilangan Penumpang
- e. Garis Panduan Pemasangan Kerusi Keselamatan Kanak-kanak: ISOFIX atau tali pinggang keledar

3.2 PENGENALAN

Terdapat pelbagai jenis Kerusi Keselamatan Kanak-kanak berada di pasaran tempatan. Pemilihan Kerusi Keselamatan Kanak-kanak yang sesuai dan tatacara pemakaian yang betul adalah amat penting bagi keberkesanan fungsi Kerusi Keselamatan Kanak-kanak tersebut untuk melindungi penumpang kanak-kanak semasa berlakunya pelanggaran.



ISOFIX



Rajah 3.1 Simbol ISOFIX







Rajah 3.2 Simbol Top-tether

Di dalam kenderaan, terdapat beberapa alatan bagi menyokong pemasangan Kerusi Keselamatan Kanak-kanak, di antaranya adalah, tali pinggang keledar 3 poin, ISOFIX (Rajah 3.1) dan *top-tether* (Rajah 3.2).

3.3 GARIS PANDUAN PEMAKAIAN KERUSI KESELAMATAN KANAK-KANAK MENGIKUT KATEGORI KANAK-KANAK

Kanak-kanak yang mempunyai ketinggian 135cm ke bawah diwajibkan menggunakan Kerusi Keselamatan Kanak-kanak mengikut tahap ketinggian dan berat berdasarkan Peraturan UN R44 atau R129. Penggunaan dan pemasangan perlu merujuk kepada manual Kerusi Keselamatan Kanak-kanak dan juga manual kereta.

KATEGORI	TINGGI/BERAT	ANGGARAN UMUR	JENIS TEMPAT DUDUK KANAK-KANAK
Kumpulan 0/0+ (Kerusi Keselamatan Kanak-kanak menghadap belakang)	<ul style="list-style-type: none"> • Sekurang-kurangnya sehingga 9kg. • Digalakkan sehingga 13kg • Tinggi sehingga 83cm 	0-18 bulan	Tempat Duduk Keselamatan Bayi 
Kumpulan 1 (Kerusi Keselamatan Kanak-kanak menghadap hadapan)	<ul style="list-style-type: none"> • 9-18 kg • Tinggi 71cm dan ke atas 	15 bulan - 4 tahun	Tempat Duduk Keselamatan Kanak-kanak 
Kumpulan 2 (Kerusi Keselamatan Kanak-kanak menghadap hadapan)	<ul style="list-style-type: none"> • 15-25 kg • Tinggi 100cm dan ke atas 	4 - 7 tahun	Digalakkan memakai booster dengan 5 poin harness 
Kumpulan 3 (Kerusi Keselamatan Kanak-kanak menghadap hadapan)	<ul style="list-style-type: none"> • 22-36 kg • Sehingga ketinggian 135cm 	6 tahun dan ke atas	Tempat Duduk Sokongan (booster) 

Jadual 3.1 Kumpulan Kerusi Keselamatan Kanak-kanak mengikut saiz kanak-kanak dan jenis tempat duduk kanak-kanak

3.4 GARIS PANDUAN PENGGUNAAN MENGIKUT JENIS KERUSI KESELAMATAN KANAK-KANAK

3.4.1 Penggunaan Kerusi Keselamatan Kanak-kanak Posisi Menghadap Belakang

- a. Kerusi Keselamatan Kanak-kanak kumpulan 0/0+ hendaklah diletak dan dipasangkan menghadap ke arah belakang.
- b. Kerusi Keselamatan Kanak-kanak menghadap ke belakang tidak boleh diletakkan di kerusi penumpang hadapan yang mempunyai beg udara yang aktif*.
**Beg udara yang aktif adalah beg udara yang tidak boleh dimatikan fungsinya menggunakan suis.*
- c. Kerusi Keselamatan Kanak-kanak boleh diletakkan di kerusi penumpang hadapan JIKA kenderaan tersebut tidak mempunyai beg udara **ATAU** beg udara penumpang hadapan boleh dimatikan fungsinya.
- d. Mestilah menggunakan 3 atau 5 poin *harness* bagi kumpulan 0/0+ mengikut jenis kerusi keselamatan.



3.4.2 Penggunaan Kerusi Keselamatan Kanak-kanak Posisi Menghadap Hadapan

- a. Digalakkan meletakkan Kerusi Keselamatan Kanak-kanak di kerusi penumpang barisan belakang.
- b. Jika perlu meletakkan di kerusi penumpang hadapan, hendaklah melaraskannya ke belakang, kepada kedudukan yang paling jauh daripada beg udara (mengikut manual kenderaan).
- c. Mestilah menggunakan 5 poin *harness* yang datang bersama Kerusi Keselamatan Kanak-kanak bagi Kerusi Keselamatan Kanak-kanak KUMPULAN 1.
- d. Digalakkan menggunakan 5 poin *harness* bagi Kerusi Keselamatan Kanak-kanak KUMPULAN 2.
- e. Menggunakan tali pinggang keledar bersama Kerusi Keselamatan Kanak-kanak bagi KUMPULAN 3



3.5 GARIS PANDUAN PEMASANGAN KERUSI KESELAMATAN KANAK-KANAK MENGIKUT BARISAN TEMPAT DUDUK KENDERAAN

Garis panduan ini adalah untuk menerangkan penggunaan Kerusi Keselamatan Kanak-kanak pada kenderaan penumpang yang mempunyai 3 barisan tempat duduk. Tempat yang paling sesuai untuk memasang Kerusi Keselamatan Kanak-kanak adalah di kerusi penumpang belakang selari dengan kerusi penumpang hadapan.



Barisan pertama - Kerusi Keselamatan Kanak-kanak menghadap belakang

Secara umumnya tidak dibenarkan meletak Kerusi Keselamatan Kanak-kanak menghadap belakang **KECUALI** dengan kondisi berikut :

- a. Kenderaan yang tiada beg udara penumpang hadapan.
- b. Kenderaan yang mempunyai fungsi mematikan beg udara samada secara manual atau automatik (Rujuk manual kenderaan).

Kerusi Keselamatan Kanak-kanak menghadap hadapan dibenarkan untuk diletakkan pada kerusi penumpang hadapan. Disyorkan agar kerusi penumpang hadapan tersebut dilaraskan ke posisi paling belakang.



Barisan kedua

Bagi kenderaan yang diluluskan pengeluarannya pada tahun 2015 dan ke atas, terdapat minimum 2 sistem ISOFIX di tempat duduk kiri dan kanan. Sistem ISOFIX ini mengandungi ISOFIX dan *top-tether*.

- a. Kerusi Keselamatan Kanak-kanak menghadap belakang dan hadapan dibenarkan dipasang pada kerusi di barisan ini.
- b. Terdapat 2 cara untuk pemasangan iaitu menggunakan sistem ISOFIX ataupun tali pinggang keledar 3 poin.
- c. Tali pinggang 2 poin tidak dibenarkan untuk digunakan bagi memasang Kerusi Keselamatan Kanak-kanak kerana tidak menepati spesifikasi pemasangan kesemua jenis Kerusi Keselamatan Kanak-kanak yang diluluskan.



Barisan ketiga

Kerusi pada barisan ketiga dan seterusnya, kebanyakan kenderaan hanya dilengkapi dengan tali pinggang keledar 3 poin.

- a. Kerusi Keselamatan Kanak-kanak menghadap belakang dan hadapan dibenarkan dipasang pada kerusi di barisan ini.
- b. Tetapi bagi Kerusi Keselamatan Kanak-kanak menghadap hadapan ianya perlu dipastikan mempunyai jarak sekurang-kurangnya 55cm, di antara penyandar hadapan dan penyandar belakang kerusi kenderaan.
- c. Tali pinggang 2 poin tidak dibenarkan untuk digunakan bagi pemasangan Kerusi Keselamatan Kanak-kanak kerana tidak menepati spesifikasi pemasangan kesemua jenis Kerusi Keselamatan Kanak-kanak yang diluluskan.

3.6 GARIS PANDUAN PEMASANGAN KERUSI KESELAMATAN KANAK-KANAK MENGIKUT BILANGAN PENUMPANG.


Garis panduan ini menerangkan cara untuk menempatkan penumpang kanak-kanak mengikut bilangan kanak-kanak di dalam kenderaan.

5 Tempat Duduk:

1-4

Penumpang
Kanak-Kanak

Lokasi CRS yang Disarankan
**Kanak-Kanak paling tua
disarankan untuk duduk di
kerusi penumpang hadapan*



5

Penumpang
Kanak-Kanak


Kenderaan ini hanya dapat menempatkan maksimum empat orang penumpang kanak-kanak

7 Tempat Duduk:

1-6

Penumpang
Kanak-Kanak

Lokasi CRS yang Disarankan
**Kanak-Kanak paling tua
disarankan untuk duduk di
kerusi penumpang hadapan*



7

Penumpang
Kanak-Kanak


Kenderaan ini hanya dapat menempatkan maksimum enam orang penumpang kanak-kanak

8 Tempat Duduk:

1-7

Penumpang
Kanak-Kanak

Lokasi CRS yang Disarankan
**Kanak-Kanak paling tua
disarankan untuk duduk di
kerusi penumpang hadapan*



8

Penumpang
Kanak-Kanak

Kenderaan ini hanya dapat menempatkan maksimum tujuh orang penumpang kanak-kanak

3.7 GARIS PANDUAN PEMASANGAN KERUSI KESELAMATAN KANAK-KANAK ISOFIX ATAU TALI PINGGANG KELEDAR


3.7.1 Penggunaan Sistem ISOFIX

Sistem ISOFIX ini memastikan Kerusi Keselamatan Kanak-kanak dapat diikat dengan kukuh untuk menahan ianya daripada bergerak dan berputar semasa berlakunya pelanggaran. Sistem ISOFIX ini boleh digunakan dengan 2 cara:

- Penambat ISOFIX dengan *top-tether*.
- Penambat ISOFIX bersama kaki penahan.



Rajah 3.3 Kerusi Keselamatan Kanak-kanak yang dilengkapi dengan penambat ISOFIX



Rajah 3.4 Contoh penambat *top-tether* pada belakang penyandar kerusi kenderaan

Penambat ISOFIX seperti yang ditunjukkan di dalam Rajah 3.3 perlu dipasangkan dengan sempurna pada kedua-dua sisi.

Penambat *top-tether* boleh didapati di bahagian yang berbeza pada kenderaan, contohnya seperti pada belakang kerusi kenderaan, di bumbung kenderaan dan lain-lain bergantung kepada jenis kenderaan seperti dalam Rajah 3.4.


Top-tether perlu diikat dengan kemas pada penambatnya. Sesetengah penambat *top-tether* mempunyai penunjuk diikat dengan kemas seperti Rajah 3.5. Manakala, Kerusi Keselamatan Kanak-kanak yang mempunyai kaki penahan seperti Rajah 3.6 perlu dilaraskan supaya platform tidak bergerak.



Rajah 3.5 Indikator tanda sempurna untuk *top-tether*.



Rajah 3.6 Kaki penahan (*support leg*)



Contoh pemasangan
Menggunakan Sistem ISOFIX

3.7.2 Kaedah pemasangan Kerusi Keselamatan Kanak-kanak menggunakan Tali Pinggang Keledar
Kaedah pemasangan tali pinggang keledar, perlu dirujuk kepada manual Kerusi Keselamatan Kanak-kanak dan label panduan pemasangan yang terdapat pada Kerusi Keselamatan Kanak-kanak tersebut. Ini kerana setiap produk Kerusi Keselamatan Kanak-kanak mempunyai laluan pemasangan tali pinggang keledar yang berbeza. Berikut merupakan contoh pemasangan Kerusi Keselamatan Kanak-kanak menggunakan tali pinggang keledar:




Contoh pemasangan
Menggunakan Tali Pinggang Keledar



4.0 GARIS PANDUAN PENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG KERUSI KESELAMATAN KANAK-KANAK

4.1 TUJUAN

Dokumen ini mengandungi penerangan berkenaan tatacara penguatkuasaan undang-undang Kerusi Keselamatan Kanak-kanak yang merangkumi item seperti berikut:




a. Import



b. Pemasaran di premis



c. Pemasaran secara atas talian



d. Penggunaan di dalam kenderaan di Malaysia.

4.2 PENGUATKUASAAN STANDARD MANDATORI TERHADAP PENGIMPORAN KERUSI KESELAMATAN KANAK-KANAK

4.2.1 CRS yang diimport perlu mempunyai Label QR seperti Rajah 2.2 dan Kelulusan Jenis Komponen (CTA), seperti yang dinyatakan di 2.5.3 dan 2.5.4

4.2.2 Rujuk Perintah kastam: larangan mengenai import 2017, kod 9401.80: *child safety seat*



4.3 PENGUATKUASAAN PEMASARAN KERUSI KESELAMATAN KANAK-KANAK DI PREMIS

4.3.1 Kerusi Keselamatan Kanak-kanak yang dijual di pasaran perlu mempamerkan Label QR seperti Rajah 2.2.

4.4 PENGUATKUASAAN PEMASARAN SECARA ATAS TALIAN

4.4.1 Produk yang sudah berada di pasaran Malaysia, sila rujuk 4.2.1 untuk tatacara import.

4.4.2 Produk yang dibuat di Malaysia, sila rujuk 4.2.1.

4.4.3 Produk dari luar negara, sila rujuk 4.2.1.

4.4.4 Produk dari luar negara untuk penggunaan persendirian dikecualikan daripada 4.2.1, dengan jumlah maksimum 1 unit, tetapi masih perlu mempunyai tanda pematuhan terhadap Peraturan UN seperti Rajah 2.1.

4.5 PENGUATKUASAAN PENGGUNAAN KERUSI KESELAMATAN KANAK-KANAK DI DALAM KENDERAAN

4.5.1 Kerusi Keselamatan Kanak-kanak yang digunakan perlu dipastikan mempunyai Label QR yang sah serta tanda pematuhan terhadap Peraturan UN seperti Rajah 2.2.

4.5.2 Penumpang kanak-kanak yang mempunyai ketinggian 135cm dan ke bawah dengan anggaran umur 10 tahun WAJIB menggunakan Kerusi Keselamatan Kanak-kanak mengikut klasifikasi seperti Jadual 3.1.

4.5.3 Kerusi Keselamatan Kanak-kanak menghadap belakang tidak boleh diletakkan di tempat duduk hadapan yang mempunyai beg udara yang aktif*, kecuali dengan kondisi berikut :

- a. Kenderaan yang tiada beg udara penumpang hadapan.
- b. Kenderaan yang mempunyai fungsi mematikan beg udara samada secara manual atau automatik (Rujuk manual kenderaan).

**Beg udara yang aktif adalah beg udara yang tidak boleh dimatikan fungsinya menggunakan suis.*

BORANG PERMOHONAN MENGEDAR PRODUK CRS

 <p>MIROS MALAYSIAN INSTITUTE OF ROAD SAFETY RESEARCH ASEAN ROAD SAFETY CENTRE</p>	CRS PRODUCT APPROVAL APPLICATION FORM	Enforcement Date : 1 Januari 2020
		Version : 0.1
		Page 1 of 2

Application Number:

Applicant:	
Distributor Company Name:	
Company Address:	Brand:
	Model/Trade description:
Telephone Number:	
PRODUCT TESTING	
Regulation:	Approval Number:
Test Report Number:	
CTA Reference Number:	

Installation type (Please tick (✓) where applicable)	Installation type/ Direction	ISOFIX	Top tether	Support Leg	Seatbelt
	Rear Facing				
	Forward Facing				

PHOTOS				
	Front view	Left view	Rear view	Right view
Rear Facing				
Front Facing				

COLOR VARIANT				

Group	Installation Method
0/0+ Up to 83cm 0-13kg	
1 71cm and above 9-18kg	
2 100cm and above 15-25kg	
3 Up to 135cm 25-36kg	

UNR LABEL


CATATAN

CATATAN

BORANG PERMOHONAN MENGEDAR PRODUK CRS

 <p>MIROS MALAYSIAN INSTITUTE OF ROAD SAFETY RESEARCH ASEAN ROAD SAFETY CENTRE</p>	CRS PRODUCT APPROVAL APPLICATION FORM	Enforcement Date : 1 Januari 2020
		Version : 0.1
		Page 1 of 2

Application Number:


Applicant:	
Distributor Company Name:	
Company Address:	Brand:
	Model/Trade description:
Telephone Number:	
PRODUCT TESTING	
Regulation:	Approval Number:
Test Report Number:	
CTA Reference Number:	

Installation type (Please tick (√) where applicable)	Installation type/ Direction	ISOFIX	Top tether	Support Leg	Seatbelt	
	Rear Facing					
	Forward Facing					

PHOTOS				
	Front view	Left view	Rear view	Right view
Rear Facing				
Front Facing				

COLOR VARIANT				

Group	Installation Method
0/0+ Up to 83cm 0-13kg	
1 71cm and above 9-18kg	
2 100cm and above 15-25kg	
3 Up to 135cm 25-36kg	

UNR LABEL
 <p>The image shows a vertical orange UNR label with the following text: [PRODUCT NAME] ECE R44/04, UNIVERSAL 0 - 13KG Y, E52 (circled), 01234567, [MANUFACTURER'S NAME], [MANUFACTURER'S ADDRESS], and a barcode with the number 00 00 001 below it. A red 'EXAMPLE' stamp is overlaid on the label.</p>



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
MALAYSIA



@Mirosroadsafety



www.miros.gov.my



@mirosroadsafety

Disediakan Oleh :

Yahaya Ahmad, Nurulhana Borhan, Noor Faradila Paiman,
Salina Mustaffa, Ir. Dr. Khairil Anwar Abu Kassim, Dr. Siti Zaharah Ishak



**GARIS PANDUAN
KERUSI KESELAMATAN
KANAK-KANAK**

MiROS

MALAYSIAN INSTITUTE OF ROAD SAFETY RESEARCH

■ ASEAN ROAD SAFETY CENTRE ■

Malaysian Institute of Road Safety Research
Lot 125-135, Jalan TKS 1,
Taman Kajang Sentral, 43000, Kajang
Selangor, MALAYSIA
www.miros.gov.my
Tel : 03 - 8924 8200